

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan & Morbiditi (NHMS) 2020 PENYAKIT BERJANGKIT



PENGENALAN

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2020 memberi fokus utama terhadap tema penyakit berjangkit. NHMS 2020 adalah tinjauan rentas yang menggunakan reka bentuk tinjauan kompleks dengan pensampelan rawak berperingkat. Pengumpulan data melibatkan kaedah; pengumpulan data lapangan termasuk pengambilan sampel darah, tinjauan pos and *Computer-Assisted Telephone Interview* (CATI).



7 OGOS -
11 OKTOBER 2020



1 SEPTEMBER -
23 OKTOBER 2020

5,957

INDIVIDU YANG BERUMUR 1 TAHUN DAN KE ATAS
TELAH MENYERTAI TINJAUAN INI
(KADAR PENGLIBATAN : 87.4 %)

4,588

INDIVIDU YANG BERUMUR 13 TAHUN DAN KE ATAS
TELAH MENYERTAI TINJAUAN POS
(KADAR PENGLIBATAN : 82.5 %)

3,191

INDIVIDU YANG BERUMUR 13 TAHUN DAN KE ATAS
TELAH MENYERTAI TEMURAMAH CATI
(KADAR PENGLIBATAN : 57.4 %)

FAKTA UTAMA

Seroprevalens COVID-19 - umur 1 tahun dan ke atas

- Selepas gelombang kedua COVID-19 (Ogos-Oktober 2020) di Malaysia, 0.6% atau 191,279 penduduk Malaysia telah dijangkiti.
- Sekurang-kurangnya 8 daripada 10 individu yang dijangkiti tidak melaporkan sebarang simptom*.
- Dalam kalangan yang dijangkiti, sekitar 80% mempunyai antibodi peneutralan.

*Dikesan positif bagi antibodi SARS-CoV-2 tetapi tidak melaporkan sebarang simptom COVID-19 dari 1 Januari 2020 sehingga tarikh temuramah.

Seroprevalens Hepatitis B - umur 15 tahun dan ke atas

- Seroprevalens HBsAg atau jangkitan semasa Hepatitis B: 1.7% dengan anggaran populasi penduduk Malaysia seramai 396,960.
- Hepatitis B kronik: 1.5% dengan anggaran populasi penduduk Malaysia seramai 348,404.
- HBsAg yang tidak didiagnosa: 1.4% dengan anggaran populasi penduduk Malaysia seramai 331,639.
- Seroprevalens Anti-HBs: 33.8%.

Seroprevalens Hepatitis C - umur 15 tahun dan ke atas

- Seroprevalens antibodi Hepatitis C: 0.4% dengan anggaran populasi penduduk Malaysia seramai 90,120.
- Jangkitan semasa Hepatitis C: 0.2% dengan anggaran populasi penduduk Malaysia seramai 51,675.
- Hepatitis C yang tidak didiagnosa: 0.2% dengan anggaran populasi penduduk Malaysia seramai 51,675.

Tuberkulosis (TB) - umur 15 tahun dan ke atas

- Prevalens melaporkan pernah menghidap penyakit TB: 1.1% dengan anggaran populasi penduduk Malaysia seramai 261,292.
- Prevalens gejala seakan-akan TB: 2.5% dengan anggaran populasi penduduk Malaysia seramai 605,070.
 - Di kalangan individu yang menunjukkan gejala seakan TB (secara berterusan selama 2 minggu), sebahagian besar melaporkan; Batuk berkahak: 0.9%, Batuk kering: 0.4%, Demam: 0.3%.

Pengetahuan & Tingkahlaku mengenai Pencegahan Penyakit Berjangkit

FAKTA UTAMA

Pengetahuan mengenai HIV - umur 13 tahun dan ke atas

- Hanya 22.6% mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai HIV.
- 47.9% percaya bahawa seseorang mendapat HIV dengan berkongsi makanan dengan seseorang yang dijangkiti.
- 31.6% percaya bahawa seseorang mendapat HIV akibat gigitan nyamuk.

Stigma HIV terhadap penghidap HIV (PLHIV) - umur 13 tahun dan ke atas

- 65.8% takut dijangkiti PLHIV
- 47.7% mempunyai pertimbangan sosial terhadap PLHIV
- 44.0% merasakan stigma terhadap PLHIV
- 56.8% menjangkakan stigma terhadap PLHIV
- 70.0% mengalami stigma terhadap PLHIV
- 59.0% mendiskriminasi PLHIV

Sementara, dalam kalangan dewasa berusia 15 hingga 49 tahun, 78.7% melaporkan sikap diskriminasi terhadap PLHIV (sama ada pernah mengalami stigma atau mendiskriminasi PLHIV)

Penggunaan antibiotik dan kesedaran mengenai kerintangan anti-mikrob - umur 15 tahun dan ke atas

- 78.5% tidak pernah mendengar mengenai kerintangan anti-mikrob.
- 25.0% telah mengambil antibiotik dalam tempoh setahun terakhir:
 - 34.4% melaporkan mereka berhenti mengambil antibiotik apabila merasa lebih sihat.
 - 17.4% membuang baki di dalam tong sampah.

Kesedaran mengenai Malaria - umur 15 dan ke atas

- 76.1% pernah mendengar mengenai penyakit Malaria
- Pengetahuan yang betul berdasarkan domain Malaria:
 - 59.7% menjawab dengan betul mengenai pencegahan Malaria.
 - 53.9% menjawab dengan betul mengenai penularan Malaria.
 - 34.0% menjawab dengan betul mengenai aktiviti berisiko yang berkaitan dengan jangkitan Malaria.
 - 24.1% menjawab dengan betul mengenai gejala Malaria.

Pencegahan Denggi - umur 13 tahun dan ke atas

- 19.5% pernah mendengar mengenai program "Komunikasi untuk Perubahan Tingkah Laku" (COMBI) bagi pencegahan denggi.
- 58.5% menganggap denggi sebagai ancaman kepada kesihatan.
- 60.6% percaya bahawa mereka sendiri dapat mengawal denggi dengan berkesan.
- 34.5% percaya bahawa pihak berkuasa tempatan berjaya mengawal denggi.
- 22.6% percaya terdapat halangan yang besar untuk melaksanakan aktiviti kawalan denggi dengan sendiri.
- Dalam tempoh enam bulan terakhir sebelum tinjauan:
 - 36.7% melakukan aktiviti 'Cari & Musnah' sekurang-kurangnya seminggu sekali.
 - 37.5% telah mengambil bahagian dalam gotong-royong di peringkat komuniti.

Penyakit Anjing Gila (*Rabies*) - umur 13 tahun dan ke atas

- 46.4% mempunyai pengetahuan tinggi mengenai penyakit anjing gila (*Rabies*).
- 7.3% dilaporkan pernah digigit atau dicakar oleh anjing:
 - 15.3% daripada mereka melaporkan telah mengamalkan tingkah laku pencarian sumber kesihatan yang baik ketika mereka digigit / dicakar oleh anjing.
- 39.9% menganggap tingkah laku pencarian sumber kesihatan adalah baik walaupun tidak pernah digigit atau dicakar oleh anjing.

Untuk maklumat lanjut, sila imbas:

